

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Apa itu Apps?

APAKAH yang dikatakan sebagai Apps?
-Hamba Allah, KL.

Bagi membolehkan sesebuah komputer itu beroperasi sama ada dalam bentuk tablet, telefon pintar, komputer peribadi dan sebagainya memerlukan dua komponen utama iaitu perkakasan dan perisian atau *hardware and software*. Perkakasan adalah komponen-komponen fizikal yang boleh dilihat dengan mata kasar seperti skrin, pemproses, memori, cakra keras dan sebagainya. Jadi, komponen perisian diperlukan untuk mengurus komponen fizikal ini sehingga ia boleh diguna pakai dalam sesebuah komputer.

Perisian komputer juga dikenali sebagai program, aplikasi, Apps, App dan sebagainya. Perisian komputer ini terdiri daripada dua jenis iaitu perisian aplikasi dan perisian sistem. Perisian sistem digunakan untuk mengurus sumber-sumber pengkomputeran agar boleh digunakan dalam sesebuah komputer seperti sistem pengoperasian Windows.

Jadi, perisian sistem ini boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu seperti yang berikutnya.

1. Sistem Pengoperasian - Program sistem utama yang digunakan untuk mengurus operasi asas dalam sesebuah komputer seperti membolehkan penggunaan apa-apa perkakasan dan sumber-sumber pengkomputeran yang terdapat pada sesebuah komputer. Contohnya seperti sistem Windows, Linux, BSD dan lain-lain.

2. Program Utiliti - Program ini digunakan secara umum untuk menyokong, mengembang dan memperbaikan penggunaan program sedia ada. Contohnya perisian anti-virus, perisian salinan pendua, aplikasi *Disk Cleanup* dan lain-lain.

3. Penterjemah Bahasa - Program ini menukar bahasa pengaturcaraan yang ditulis kepada bahasa mesin yang difahami oleh komputer. Program ini juga dikenali sebagai compiler, interpreter dan lain-lain. Contohnya pengompil bahasa C, pengompil (*compiler*) bahasa Java dan lain-lain.

Perisian aplikasi barulah menjurus kepada perisian yang digunakan untuk membantu manusia membuat sebarang kerja atau tugas menggunakan komputer. Perisian aplikasi terdiri daripada dua jenis seperti yang berikut.

1. Perisian Aplikasi Lazim - Sejenis perisian aplikasi dibangunkan untuk membuat sesuatu tugas tertentu yang digunakan hanya untuk segolongan orang tertentu sahaja. Sebagai contoh, Sistem Permohonan Cuti Syarikat Fatih hanya boleh diguna pakai oleh para pekerja bagi syarikat Fatih sahaja.

2. Perisian Aplikasi Pakej - Sejenis perisian aplikasi yang dibangunkan untuk membuat tugas tertentu yang boleh digunakan secara umum kepada sesiapa sahaja yang memerlukan. Contohnya, pelayar web *Google Chrome*, aplikasi e-mel *Gmail* dan lain-lain.

Jadi, secara umumnya Apps itu merujuk kepada perisian komputer dan istilah ini popular diguna pakai pada masa kini. Pada peringkat awal, penggunaan istilah Apps ini merujuk kepada mana-mana perisian yang digunakan dalam persekitaran komputer tablet, telefon pintar dan pengkomputeran awanan.